

Headline	Zakat 2013 RM22 juta		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Feb 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	2	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	70 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,438
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,314



## Zakat 2013 RM22 juta

**Putrajaya:** Kajian dibuat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mendapati tahap ekonomi masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan semakin baik, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat tahun lalu berbanding tahun sebelumnya.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kutipan zakat pada tahun 2013 meningkat sebanyak 18 peratus iaitu RM22 juta berbanding RM19 juta bagi tahun sebelumnya.

Beliau berkata, peningkatan itu juga didorong oleh peningkatan jumlah pembayar zakat iaitu seramai 69,428 pembayar tahun lalu berbanding 54,498 tahun 2012.

"Kami juga percaya peningkatan itu berlaku disebabkan kesedaran ibadah zakat di kalangan umat Islam yang semakin tinggi dari tahun ke tahun selain mempelbagaikan kaedah pembayaran zakat," katanya ketika ditemui di sidang media selepas menyaksikan penyerahan zakat oleh Tabung Haji kepada Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH) Datuk Paduka Ismee Ismail dan Pengerusi PPZ- MAIWP Datuk Che Mat Che Ali.